

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN
PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20703
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2019 / JANUARI 2020
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN :
1. JAWAB SEMUA SOALAN
2. JAWAB BAHAGIAN A PADA
KERTAS OMR
3. JAWAB BAHAGIAN B PADA
BUKU JAWAPAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA BELAS (12) MUKA SURAT

TERBUKA SULIT

BAHAGIAN A

S1 Istilah manakah yang paling sesuai menggambarkan pernyataan berikut.

Satu proses mendapatkan maklumat dan seterusnya membuat penghakiman tentang produk sesuatu proses pendidikan.

- A Pengujian
- B Pengukuran
- C Pentaksiran
- D Penilaian

S2 Pilih pernyataan yang paling tepat mengenai pengukuran.

- A Terdiri daripada satu set soalan atau tugas
- B Menggunakan skala ordinal
- C Memberikan nilai numerikal
- D Mengesan pencapaian murid

S3 Kebolehpercayaan ialah

- A kesahan
- B ketekalan
- C keobjektifan
- D kemudahtafsiran

S4 Pentaksiran formatif dikenali juga sebagai

- A pentaksiran dalam pembelajaran
- B pentaksiran sebagai pembelajaran
- C pentaksiran tentang pembelajaran
- D pentaksiran untuk pembelajaran


S5 "Dijalankan untuk mengesan punca-punca masalah atau kesilapan pembelajaran yang timbul secara berulang-ulang sama ada masalah fizikal, intelektual, emosi atau persekitaran dan menyediakan perancangan untuk tindakan pemulihannya"

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A penilaian formatif
- B penilaian dignostik
- C penilaian pra kelayakan
- D penilaian penempatan

TERBUKA

S6 Berdasarkan **Rajah S6**, dapat disimpulkan bahawa



Rajah S6

- A kawasan 1 merupakan penilaian yang tidak melibatkan ujian dan pengukuran
- B kawasan 2 menunjukkan pengukuran yang melibatkan ujian
- C kawasan 3 menunjukkan ujian dilakukan bukan untuk tujuan penilaian
- D kawasan 5 menunjukkan pengukuran yang melibatkan penilaian dan pengujian

S7 Antara berikut yang manakah menunjukkan perbezaan di antara penilaian sumatif dan penilaian formatif?

	Penilaian formatif	Penilaian Sumatif
A	Digunakan oleh pelajar, guru, ibu bapa dan nazir	Digunakan oleh pelajar, guru dan ibu bapa
B	Untuk membantu guru memperbaiki pengajaran	Untuk membantu guru mendiagnosis pengajaran
C	Berlaku semasa proses pembelajaran	Berlaku selepas proses pembelajaran
D	Untuk tujuan penggredan	Untuk tujuan kompetensi

S8 Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh seorang guru jika terdapat jurang antara tahap pencapaian pelajar dengan matlamat yang telah ditetapkan.

- A Membuat laporan kepada pengetua
- B Membuat pengubahsuaian pengajaran
- C Mengumpul bukti-bukti penguasaan pelajar
- D Memberi peluang kepada pelajar untuk lebih berusaha

TERBUKA

- S9 Manakah yang berikut merupakan susunan aras bagi domain afektif?
- A Menerima – menunjukkan respon – menghargai – mengorganisasi – bertindak konsisten
 - B Menunjukkan respon – menerima – menghargai – mengorganisasi – bertindak konsisten
 - C Menghargai – memberi respon – mekanisme – respon berpandu – konsisten
 - D Mengorganisasi – menunjukkan respon – menghargai – respon ketara kompleks – bertindak konsisten.
- S10 Berikut merupakan ciri-ciri ujian kecuali
- A kesahan
 - B kerelevanan
 - C keobjektifan
 - D kemudahtafsiran
- S11 Manakah yang berikut adalah tidak benar bagi proses kesahan kandungan?
- A Ditentukan menggunakan Jadual Spesifikasi Ujian
 - B Soalan dibina mewakili kemahiran yang dinilai
 - C Soalan yang dibina mendapat persetujuan pakar
 - D Menentukan konsistensi dalam kalangan pelajar
- S12 Pemeriksaan ujian jenis esei dipengaruhi oleh kesan halo. Manakah antara berikut merupakan contoh kesan halo?
- A Tulisan pelajar
 - B Kerajinan pelajar
 - C Kebersihan pelajar
 - D Sikap semulajadi pelajar
- S13 Apakah taksonomi objektif pembelajaran Bloom yang memfokuskan sikap, kegemaran, penghargaan dan penyesuaian?
- A Afektif
 - B Kognitif
 - C Psikologi
 - D Psikomotor

TERBUKA

S14 Pernyataan berikut adalah benar tentang *revised taxonomy Bloom* kecuali

- A menggunakan kata nama
- B menggunakan kata kerja
- C aras kedua ialah mengingati
- D aras tertinggi adalah penciptaan

S15 Berdasarkan pernyataan berikut, tentukan aras kesukaran bagi Taksanomi Bloom (1956).

Sediakan satu penulisan kreatif tentang sikap mahasiswa masa kini dan implikasi pembangunan sumber di negara kita pada masa hadapan.

- A Aplikasi
- B Sintesis
- C Analisis
- D Penilaian

S16 Manakah yang berikut merupakan soalan jenis item respon lanjutan?

- A Esei
- B Struktur
- C Padanan
- D Isi tempat kosong

S17 Tentukan perkara yang perlu ditambah baik semasa pembinaan soalan di bawah.

Melihatkan perkembangan masa kini dalam bidang perhubungan, beberapa kemajuan pesat telah dicapai. Merenung kembali sumbangan yang sangat besar ertinya, yang mana satukah sumbangan pereka terkenal Alexander Graham Bell.

- A. Lampu elektrik
- B. Telefon
- C. Kapal terbang
- D. Kereta api

- A Pilihan jawapan yang tepat
- B Soalan perlu ditulis dengan jelas dan padat
- C Maklumat yang relevan dengan soalan
- D Kenyataan negatif dalam pokok soalan

TERBUKA

S18 Apakah faktor luar yang mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar?

- A Menghafal
- B Kesihatan
- C Perbincangan
- D Uji ulang uji

S19 Mengapakah arahan pengendalian peperiksaan perlu jelas?

- A Mengelakkan ralat dalam pentadbiran ujian
- B Mengelakkan calon mengemukakan soalan
- C Membolehkan calon mendapat markah yang tinggi
- D Memudahkan pentadbiran dan aktiviti peperiksaan dilaksanakan

S20 Tentukan langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang pensyarah dalam mentadbir sesuatu ujian?

- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.
- D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan.

Soalan S21 hingga S22 adalah berdasarkan kepada skor berikut.

52, 54, 54, 54, 57, 57, 62, 63, 63, 65
--

S21 Tentukan min

- A 58.0
- B 58.1
- C 59.2
- D 60.1

S22 Tentukan mod

- A 52
- B 53
- C 54
- D 55

TERBUKA

SULIT

BBD 20703

S23 Markah-markah berikut merupakan data tidak terkumpul bagi lima orang pelajar di dalam sebuah kelas. Tentukan sisihan piawai taburan markah berikut.

3, 7, 9, 11, 20

- A 5.6
- B 5.7
- C 5.8
- D 6.0

Soalan **S24** hingga **S26** adalah berdasarkan **Jadual S24**

Jadual S24

Pelajar	Skor Matematik	Skor Sains
Mariam	80	95
Aini	90	97
Kamal	75	80
Rizal	77	77
Hanifah	68	74
Min	65	75
SD	6	10

S24 Tentukan skor - Z bagi matapelajaran matematik untuk Aini

- A 4.17
- B -4.17
- C 2.2
- D 1.67

S25 Tentukan skor - Z bagi matapelajaran sains untuk Hanifah


- A -0.1
- B 0
- C +0.1
- D 0.5

S26 Apakah kesimpulan yang boleh dibuat bagi pencapaian matematik berbanding sains bagi Rizal?

- A Pencapaian tidak dapat ditentukan
- B Pencapaian sejarah dan matematik adalah sama
- C Pencapaian matematik lebih baik dari pencapaian sains
- D Pencapaian sains lebih baik dari pencapaian matematik

TERBUKA

S27 Buat kesimpulan berdasarkan graf pada **Rajah S27**.



Rajah S27

- A Ujian terlalu susah
 B Pencapaian pelajar adalah tinggi
 C Merupakan lengkung taburan positif
 D Ramai pelajar mendapat skor tinggi
- S28 Pilih langkah-langkah untuk menyediakan item ujian yang bermutu tinggi
- I menggunakan Jadual Penentuan Ujian
 II memeriksa kertas jawapan mengikut skema pemarkahan
 III membina item berdasarkan objektif pengajaran
- A I dan II sahaja
 B I dan III sahaja
 C II dan III sahaja
 D I, II dan III
- S29 Pilih pernyataan yang tidak benar mengenai kesahan.
- I Kesahan serentak – merujuk kepada ramalan prestasi masa yang sama
 II Kesahan telahan – merujuk kepada prestasi yang berkait dengan sesuatu ciri
 III Kesahan gagasan – merujuk kepada kesahan jangka panjang
 IV Kesahan isi – merujuk kepada ketepatan isi ujian
- A I sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D I, II dan IV sahaja

TERBUKA

SULIT

BBD 20703

S30 Mengapakah pengukuran afektif agak sukar dibandingkan dengan pengukuran kognitif?

- I Berbentuk implisit
- II Tidak ditekankan secara formal di dalam kelas
- III Dipengaruhi oleh persekitaran

- A I sahaja
- B I dan II sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II dan III

S31 Manakah diantara yang berikut merupakan elemen bagi pentaksiran kompetensi?

- I Sikap
- II Pengetahuan
- III Kemahiran
- IV Kognitif

- A I dan II sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C I dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

S32 Antara berikut manakah yang menerangkan ciri-ciri tugas prestasi?

- I Tugas yang diberi boleh dilaksanakan
- II Prestasi pelajar boleh digeneralisasikan
- III Tugas mestilah adil kepada semua pelajar dan tidak bias
- IV Tugas dapat mengukur berbagai hasil pembelajaran

- A II, III dan IV sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

S33 Alat penskoran yang paling sesuai bagi mengukur pentaksiran prestasi ialah

- I skema jawapan
- II rubrik analitik
- III rubrik holistik
- IV senarai semak

- A II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C I, III dan V sahaja
- D II, III dan IV sahaja

TERBUKA

S34 Susun penyediaan Jadual Penentuan Ujian?

- I Penentuan peratus aras kemahiran ditentukan
- II Jenis butiran dinyatakan dalam soalan
- III Guna silibus, bahan pengajaran ditulis dari atas ke bawah
- IV Jadual dipenuhi dengan bilangan soalan dalam bentuk nombor untuk setiap tajuk

- A I, III, IV, II
- B I, IV, III, II
- C II, III, IV, I
- D IV, II, I, III

S35 Pilih faktor-faktor yang mempengaruhi kesahan soalan.

- I Kekaburan soalan
- II Arahan kurang jelas
- III Jawapan boleh diramalkan

- A I sahaja
- B I dan II sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II dan III

S36 Antara berikut manakah yang benar mengenai skema pemarkahan jenis holistik?

- I Pemarkahan lebih objektif
- II Mudah dipengaruhi kesan halo
- III Terdapat perselisihan markah antara pemeriksa
- IV Mudah diperiksa oleh orang yang menguasai bidang

- A I sahaja
- B I, dan II sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV sahaja

S37 Apakah kebaikan penskoran secara analitik?

- I Mempercepatkan proses penskoran
- II Memberikan maklumat terperinci bagi setiap skor
- III Membantu guru novis dalam memberikan skor

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D I, II dan III

TERBUKA

S38 Apakah ciri-ciri pemeriksa kertas jawapan yang baik?

- I Pemeriksa kertas jawapan mestilah adil
- II Mesti mematuhi peraturan pemarkahan yang disediakan
- III Perlu tegas (*strict*) terhadap mutu jawapan pelajar
- IV Perlu lembut (*lenient*) terhadap mutu jawapan pelajar

- A I dan II sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C I, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S39 Susun soalan berikut berdasarkan aras kesukaran.

- I Jelaskan trend perbelanjaan hidup berdasarkan graf yang diberi
- II Namakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat
- III Kira nilai kecerunan bagi garis lurus
- IV Karang satu esei yang menunjukkan perubahan gaya hidup masa kini
- V Buat perbandingan di antara pemanduan lelaki berbanding wanita
- VI Beri justifikasi kenapa penggunaan gajet boleh melemahkan pemikiran kanan-kanak

- A II, I, III, IV, V dan VI
- B II, I, III, V, IV dan VI
- C II, I, III, IV, VI dan V
- D II, I, III, V, VI dan I

S40 Antara berikut manakah merupakan peranan guru dalam merancang dan merekabentuk instruksi dalam bilik darjah disebabkan oleh perbezaan individu?

- I merancang variasi penyampaian
- II mempelbagaikan teknik motivasi
- III memberi nasihat kaunseling pembelajaran
- IV mempelbagaikan strategi pengajaran dan pembelajaran

- A I sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

BAHAGIAN B

S41 (a) Jelaskan dua sebab mengapa analisis item perlu dilakukan? (5 markah)

(b) **Jadual S41(b)** menunjukkan maklumat bilangan pelajar daripada kumpulan tinggi (T) dan kumpulan rendah (R) yang menjawab soalan bagi item 1. ****B** merupakan jawapan betul bagi pilihan jawapan yang diberikan. Berdasarkan **Jadual S41**;

Jadual S41(b)

Item	Pilihan Jawapan	0		A		**B		C		D	
		T	R	T	R	T	R	T	R	T	R
1	Bilangan Pelajar Menjawab Bagi Setiap Item	0	0	1	2	15	11	3	3	3	6

(i) Kirakan indeks kesukaran dan tentukan tahap aras kesukaran item tersebut. (3 markah)

(ii) Tentukan indeks diskriminasi dan kuasa diskriminasi bagi item tersebut. (3 markah)

(iii) Tentukan kualiti penganggu bagi jawapan A, C dan D. (6 markah)

(iv) Hasilkan kesimpulan bagi item tersebut. (3 markah)

S42 (a) Huraikan dua (2) kepentingan Jadual Penentu Ujian (JPU) dalam proses pembinaan item. (5 markah)

(b) Berdasarkan satu mata pelajaran pilihan anda, bina Jadual Penentu Ujian (JPU) bagi 40 soalan pelbagai pilihan yang lengkap dengan wajaran yang mengandungi lima topik bagi pengajaran selama 14 minggu. (15 markah)

S43 (a) Terangkan dua (2) kepentingan penjajaran kurikulum. (5 markah)

(b) Dengan bantuan gambarajah bincangkan dengan terperinci elemen-elemen dalam penjajaran pengajaran dan pembelajaran. (15 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA